

PENGUNAAN STRATEGI PEMBELAJARAN BAHASA ARAB BERDASARKAN PENCAPAIAN BAHASA ARAB DALAM KALANGAN MAHASISWA DI KELANTAN

Oleh:

Linamalani bt. Mat Nafi¹

Kamarul Shukri b. Mat Teh²

Abstrak

Pelbagai kajian yang dijalankan mendapati bahawa tahap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar Malaysia masih berada pada tahap yang kurang memuaskan berbanding pembelajaran bahasa asing/kedua yang lain di Malaysia. Kelemahan dalam menggunakan strategi pembelajaran bahasa (SPB) serta kekurangan pengetahuan mengenai SPB dalam kalangan pelajar merupakan di antara faktor yang menghalang kepada keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Pelajar cemerlang bahasa didapati menggunakan SPB tertentu dalam pembelajaran mereka. Namun, sebahagian daripada strategi tersebut tidak dapat diperhatikan dan mereka juga kurang berkongsi maklumat berkaitan dengan strategi pembelajaran yang mereka gunakan. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap penggunaan SPB oleh pelajar cemerlang, sederhana dan lemah ketika belajar bahasa Arab. Ia juga bertujuan untuk mengenal pasti sama ada terdapat hubungan yang signifikan pada penggunaan SPB berdasarkan tahap pencapaian bahasa Arab. Kajian ini melibatkan 200 orang responden daripada dua buah IPT di Kelantan iaitu Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) dan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Nilam Puri (APIUM). Kajian tinjauan yang bersifat kuantitatif ini menggunakan soal selidik strategi pembelajaran bahasa SILL versi 7.0 dan ujian

¹ Lina Malini bt. Mat Nafi (Ph.D), pensyarah Jabatan Bahasa Arab, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, Nilam Puri, Kelantan.

² Kamarul Shukri Mat Teh (Ph.D), pensyarah Universiti Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu.

pencapaian bahasa Arab sebagai alat kajian utama untuk mengumpul data. Dapatan kajian menunjukkan para pelajar menggunakan keseluruhan strategi pada tahap sederhana. Strategi Metafizik merupakan strategi yang paling kerap digunakan oleh PCB, PSB dan PLB. Ujian korelasi Pearson menunjukkan tidak terdapat korelasi signifikan antara penggunaan SPB dengan pencapaian bahasa Arab. Ujian ANOVA Sehalu pula menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan pada tahap penggunaan SPB berdasarkan pencapaian pelajar dan tidak terdapat perbezaan signifikan pada pencapaian bahasa Arab berdasarkan tahap penggunaan SPB.

Kata Kunci: *Strategi Pembelajaran Bahasa, Pencapaian Bahasa, Bahasa Arab*

PENGENALAN

Suatu fenomena yang pada kebiasaannya berlaku dalam proses pengajaran dan pembelajaran khususnya dalam pembelajaran bahasa adalah sebilangan pelajar didapati sentiasa berjaya berbanding pelajar yang lain. Antara bentuk-bentuk kejayaan yang boleh dilihat ialah kemajuan mereka begitu cepat, mereka mudah menguasai perkataan dan ayat baharu atau mereka juga sering mencapai keputusan yang cemerlang dalam ujian bahasa. Selain daripada faktor kebolehan semulajadi yang ada dalam diri mereka, terdapat beberapa faktor lain yang boleh mempengaruhi pencapaian ini. Antara faktor tersebut ialah penggunaan strategi pembelajaran bahasa (SPB).³ Senario tersebut menyebabkan bidang penyelidikan pembelajaran bahasa asing mula memberi fokus terhadap strategi pembelajaran dan perbezaan individu pelajar.⁴ Justeru, tidak hairanlah kajian mengenai SPB menjadi salah satu bidang penyelidikan bahasa yang begitu subur dan aktiif sejak beberapa tahun kebelakangan ini.⁵

³ Kamarul Shukri Mat Teh & Mohamad Amin Embi. 2009. Korelasi Strategi Dengan Motivasi Dalam Pembelajaran Bahasa Arab. Jurnal Pendidik dan Pendidikan Jil. 24, pp. 109-123

⁴ Kamarul Shukri Mat Teh & Mohamad Amin Embi. 2010. Strategi Pembelajaran Bahasa. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

⁵ *Ibid.*

PERNYATAAN MASALAH

Pencapaian pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab masih belum memuaskan berbanding bahasa kedua yang lain. Menurut Kamarul Shukri,⁶ walaupun suasana semasa menunjukkan pendidikan bahasa Arab semakin berkembang dan usaha-usaha memperkukuhkan bidang tersebut telah dilakukan dengan gigih, namun tahap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan para pelajar sama ada di peringkat sekolah mahu pun di institusi pengajian tinggi seringkali mengundang kegelisahan dan kegusaran dalam kalangan mereka yang terlibat dengan pendidikan bahasa Arab.

Sehubungan dengan itu, kajian yang dijalankan oleh Saupi⁷ ke atas beberapa buah sekolah Arab di peringkat menengah atas menunjukkan majoriti pelajar adalah lemah dalam kemahiran bertutur dalam bahasa Arab. selain itu, kajian Nik Rahimi et al.⁸ terhadap 16 buah Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri Kelantan juga mendapati tahap pencapaian pelajar dalam bahasa Arab kurang memuaskan. Masalah kelemahan bahasa Arab ini tidak terhenti di peringkat persekolahan malah ia memberi kesan kepada pembelajaran di peringkat pengajian tinggi.⁹ Menurut Ab. Halim,¹⁰ penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar IPTA tidak mencapai tahap kecekapan berbahasa yang baik.

⁶ Kamarul Shukri Mat Teh. 2009. *Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab Dalam kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama*. Tesis PhD. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

⁷ Saupi Man. 2003. *Tuntutan-tuntutan Asas Pengajian Bahasa Arab Komunikasi di Luar Negara Arab*. Prosiding Wacana Pendidikan Siri 3, pp. 263-275.

⁸ Nik Rahimi Nik Yusoff, Zamri Mahamod & Kamarulzaman Ab. Ghani. 2006. *Tahap Kemahiran Kefahaman Mendengar di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama Negeri*. Jurnal Teknologi 45 (E) Disember. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, pp. 83-98.

⁹ Kamarul Shukri Mat Teh. 2009. *Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab Dalam kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama*. Tesis Ph.D. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

¹⁰ Ab Halim Mohamad. 2007. *Masalah Komunikasi Bahasa Arab di Kalangan Pelajar Bachelor Bahasa Arab di IPTA Malaysia*. Prosiding Seminar Penyelidikan Dalam Pengajian Islam ke-4, pp. 1-13. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar. Antaranya, sikap pelajar,¹¹ pendekatan pengajaran dan kurang kesedaran tentang SPB.¹² Para pengkaji bahasa kedua menganggap SPB memainkan peranan yang besar dalam memahami proses dan cara bahasa kedua dipelajari. Beberapa kajian berjaya mengenal pasti ciri-ciri strategi yang dipraktikkan oleh pelajar cemerlang ketika mempelajari bahasa. Terdapat juga kajian yang menunjukkan bahawa penggunaan SPB ini mempunyai hubungan dengan beberapa faktor-faktor lain seperti jantina, latar budaya, etnik dan sebagainya.¹³

Justeru, bidang strategi pembelajaran bahasa haruslah dikembangkan untuk memberi sesuatu sumbangan yang bermanfaat kepada pembelajaran bahasa Arab. Dengan pentingnya memikirkan adanya pengetahuan tentang SPB ini, para pelajar dapat memahami strategi pembelajaran bahasa yang berkesan dan sesuai bagi mereka dan seterusnya dapat menggunakan strategi tersebut untuk meningkatkan penguasaan dan pencapaian bahasa mereka. Usaha ini juga memerlukan sokongan padu daripada semua pihak terutamanya guru. Ini adalah penting dalam memastikan objektif pembelajaran bahasa dapat direalisasikan.

OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan pernyataan masalah di atas, kajian ini mempunyai tujuh objektif utama iaitu:

1. Menenal pasti bentuk pola penggunaan SPB oleh pelajar cemerlang, sederhana dan lemah dalam pembelajaran bahasa Arab berdasarkan jenis item strategi.

¹¹ Ab Halim Mohamad & Wan Mohamad Wan Sulong. 2006. Antara Minat dan Sikap Pelajar Terhadap Bahasa Arab: Satu Kajian ke Atas Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di IPTA di Malaysia. Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri 5, pp. 9-18. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

¹² Green, J.M. & Oxford, R.L. 1995. A Closer Look at Learning Strategies, L2 Proficiency, and Gender. TESOL Quarterly 29(9), pp. 261-297.

¹³ Kamarul Shukri Mat Teh. 2009. Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab Dalam kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama. Tesis Ph.D. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

2. Mengenal pasti bentuk pola penggunaan SPB oleh pelajar cemerlang, sederhana dan lemah dalam pembelajaran bahasa Arab berdasarkan konstruk strategi utama.
3. Mengenal pasti sama ada terdapat korelasi signifikan antara penggunaan SPB dengan pencapaian bahasa Arab dalam kalangan pelajar IPT Kelantan.
4. Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan signifikan pada penggunaan SPB berdasarkan tahap pencapaian bahasa Arab dalam kalangan pelajar IPT Kelantan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini merupakan kajian kuantitatif yang dilaksanakan menerusi kaedah tinjauan deskriptif secara deduktif.¹⁴ Jenis kajian tinjauan yang digunakan dalam kajian ini pula ialah kajian tinjauan semasa atau keratan lintang (*cross-sectoinal survey*) yang memungut data sekali sahaja daripada suatu sampel pada suatu masa.¹⁵

Instrumen Kajian

Kajian tinjauan deskriptif ini menggunakan kaedah soal selidik Strategi Pembelajaran Bahasa Arab (SPBA). Soal selidik SPBA ini dibina berdasarkan SILL versi 7.0¹⁶ dengan pengubahsuaian dan penambahan konstruk metafizik.¹⁷ Soalan ujian pencapaian Bahasa Arab juga digunakan untuk menguji tahap pencapaian bahasa Arab pelajar.

¹⁴ Neuman, W.L. 1993. *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches*. Boston: Allyn and Bacon.

¹⁵ Creswell, J.W. 2005. *Educational Research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. Ed. Ke-2. New Jersey: Pearson Education Inc.

¹⁶ Oxford, R.L. 1990. *Language Learning Strategies: What Every Teacher Should Know*. New York: Newbury House.

¹⁷ Kamarul Shukri Mat Teh. 2009. *Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama*. Tesis Ph.D. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kesahan dan Kebolehpercayaan

Instrumen kajian telah diserahkan kepada sembilan orang pakar untuk kesahan instrumen sebelum kajian rintis dijalankan. Secara keseluruhannya, item-item dalam instrumen kajian ini diakui mampu mengukur aspek kandungan yang hendak diukur. Nilai indeks kebolehpercayaan Alfa Cronbach bagi keseluruhan item instrumen SPB adalah 0.944, manakala nilai indeks kebolehpercayaan Alfa Cronbach bagi Ujian Pencapaian secara keseluruhannya adalah 0.803. Berdasarkan pandangan Mohd. Majid,¹⁸ Sekaran,¹⁹ McMillan²⁰ dan Schumacher,²¹ Crowl, dan lain-lain, indeks kebolehpercayaan instrumen kajian ini adalah tinggi dan boleh diterima pakai bagi menjalankan ujian sebenar.

Populasi dan Sampel

Populasi kajian dalam kajian ini ialah kumpulan pelajar institut pengajian tinggi (IPT) Kelantan. Ia melibatkan pelajar-pelajar semester tiga pengajian daripada dua buah IPT yang terpilih iaitu Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) dan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM) Nilam Puri. Secara umumnya, responden kajian mewakili semua pelajar yang mempelajari bahasa Arab di KIAS dan APIUM.

Bagi menentukan saiz sampel bagi kajian ini, pengkaji menggunakan Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan.²² Justeru, berdasarkan Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan dan disokong oleh panduan yang dikemukakan oleh Gay dan Airasian,²³ bilangan sampel yang diperlukan oleh kajian ini adalah seramai 175 orang pelajar. Namun, untuk lebih meningkatkan ketepatan dapatan penyelidikan maka saiz sampel telah ditingkatkan kepada 200 orang pelajar. Dalam

¹⁸ Mohd Majid Konting. 2000. Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Cetakan kelima. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

¹⁹ Sekaran, U. 1992. Research Methods For Business: A Skalar Building Approach. Ed. Ke-2. New York: John Wiley & Sons.

²⁰ McMillan, J. & Schumacher, S. 1984. Research in Education: A Conceptual Introduction. Boston: Little, brown and Company.

²¹ *Ibid.*

²² Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. 1970. Determining Sample Size for Research Activities. Educational and Psychological Measurement, 30(3), pp. 607-610.

²³ Gay, L.R. & Airasian, P. 2003. Educational Research. Ed. Ke-7. Upper Saddle River, NJ: Merrill.

kajian ini, teknik pensampelan yang digunakan ialah rawak berstrata berperingkat. Jadual 1 menunjukkan bilangan sampel yang dipilih yang mewakili strata.

Jadual 1: Bilangan Sampel Kajian Berdasarkan Strata

STRATA	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS)	38	62	100
Akademi Pengajian Islam Univ. Malaya (APIUM) Nilam Puri	49	51	100
Jumlah	89	111	200

Analisis Data

Kajian ini menggunakan dua jenis analisis iaitu statistik deskriptif dan statistik inferensi untuk menganalisis data. Statistik deskriptif digunakan untuk mencapai objektif kajian pertama. Ujian Korelasi Pearson digunakan untuk mencapai objektif kajian kedua. Manakala ujian ANOVA sehalu digunakan untuk mencapai objektif ketiga.

Kajian ini menggunakan interpretasi Oxford²⁴ bagi tujuan pelaporan tahap penggunaan SPB. Interpretasi Oxford menerangkan kriteria-kriteria penilaian tahap penggunaan SPB. Nilai min di antara 3.5 hingga 5.0 adalah dianggap tinggi dalam penggunaan SPB, min di antara 2.5 hingga 3.49 adalah dianggap pertengahan atau sederhana dalam penggunaan SPB, dan min 1.0 hingga 2.49 adalah dianggap rendah dalam penggunaan SPB.

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini meneliti pola penggunaan SPB oleh ketiga-tiga kumpulan PCB, PSB dan PLB. Dapatan kajian menunjukkan bahawa PCB didapati menggunakan tiga item strategi pada tahap yang tinggi dengan min antara 4.22 hingga 3.54. Dua daripada item strategi tersebut, iaitu item s57 dan item s62 turut digunakan oleh PSB dan PLB pada tahap yang tinggi yang

²⁴ Oxford, R.L. 1990. *Language Learning Strategies: What Every Teacher Should Know*. New York: Newbury House.

mana min masing-masing berada antara 4.01 hingga 3.56 bagi PSB dan antara 4.35 hingga 3.79 bagi PLB. Jadual 2 memaparkan kekerapan penggunaan SPB pada tahap penggunaan yang tinggi oleh ketiga-tiga kumpulan iaitu pelajar cemerlang bahasa (PCB), pelajar sederhana bahasa (PSB) dan pelajar lemah bahasa (PLB) bagi setiap item strategi.

Jadual 2: Strategi yang Digunakan Oleh PCB (N=57), PSB (N=51) dan PLB (N=92) pada Tahap Tinggi

Kategori Pelajar	No. Item	Kategori Strategi	Strategi	Min	S.P
Pelajar Cemerlang Bahasa (PCB) N=57	s62	Metafizik	Meminta ampun dan doa daripada kedua ibu bapa sebelum menduduki peperiksaan.	4.22	1.11
	s57	Metafizik	Berusaha untuk memahami atau menghayati makna bacaan dalam sembahyang, doa, ayat al-Quran atau al-hadith.	3.63	0.89
	s26	Tampungan	Meneka makna perkataan-perkataan tidak difahami berdasarkan konteks ayat atau situasi perbualan.	3.54	1.00
Pelajar Sederhana Bahasa (PSB) N=51	s62	Metafizik	Meminta ampun dan doa daripada kedua ibu bapa sebelum menduduki peperiksaan.	4.01	1.14
	s57	Metafizik	Berusaha untuk memahami atau menghayati makna bacaan dalam sembahyang, doa, ayat al-Quran atau al-hadith.	3.56	0.94
Pelajar Lemah Bahasa (PLB) N=92	s62	Metafizik	Meminta ampun dan doa daripada kedua ibu bapa sebelum menduduki peperiksaan.	4.35	0.88
	s57	Metafizik	Berusaha untuk memahami atau menghayati makna bacaan dalam sembahyang, doa, ayat al-Quran atau al-hadith.	3.79	0.87

Dapatan kajian ini juga meneliti 10% item SPB yang paling kerap digunakan oleh ketiga-tiga kumpulan pelajar. 10% item strategi yang paling kerap digunakan oleh PCB adalah item s62 iaitu seramai 73.7% responden selalu dan sentiasa menggunakannya. Diikuti item s57 iaitu seramai 54.3% responden selalu dan sentiasa menggunakannya. Diikuti pula item s26 iaitu seramai 50.9% responden selalu dan sentiasa menggunakannya. Seterusnya item s61 iaitu seramai 47.4% responden selalu dan sentiasa menggunakannya. Kemudian, item s58 iaitu seramai 43.8% responden selalu dan sentiasa menggunakan strategi tersebut dan item s41 iaitu seramai 45.6% responden selalu dan sentiasa menggunakan strategi ini. Jadual 3 memaparkan enam item strategi yang kerap digunakan oleh PCB ketika mempelajari bahasa Arab oleh para pelajar IPT Kelantan.

Jadual 3: Enam Item Strategi yang Kerap Digunakan oleh PCB (N=57)

No. Item	Kategori Strategi	Strategi	1	2	3	4	5	Min	S.P
s62	Metafizik	Meminta ampun dan doa daripada kedua ibu bapa sebelum menduduki peperiksaan.	1.8	8.8	15.8	12.3	61.4	4.22	1.11
s57	Metafizik	Berusaha untuk memahami atau menghayati makna bacaan dalam sembahyang, doa, ayat al-Quran atau al-hadith.	1.8	5.3	38.6	36.8	17.5	3.63	0.89
s26	Tampungan	Meneka makna perkataan-perkataan tidak difahami berdasarkan konteks ayat atau situasi perbualan.	1.8	12.3	35.1	31.6	19.3	3.54	1.00
s61	Metafizik	Saya meminta restu daripada guru sebelum menduduki	3.5	14.0	35.1	26.3	21.1	3.47	1.08

		peperiksaan.							
s58	Metafizik	Saya membaca al-Quran setiap hari untuk memperbetul atau melancarkan sebutan bahasa Arab saya.	1.8	14.0	40.4	26.3	17.5	3.43	1.00
s41	Afektif	Saya menenangkan diri apabila saya berasa takut atau gugup ketika mempelajari atau menggunakan bahasa Arab.	5.3	12.3	36.8	33.3	12.3	3.35	1.02

Kajian ini juga menilai 10% item SPB yang paling kerap digunakan oleh PSB. Strategi-strategi tersebut adalah item s62 iaitu seramai 72.6% responden selalu dan sentiasa menggunakan strategi tersebut, item s57 iaitu seramai 53.0% responden selalu dan sentiasa menggunakannya. Diikuti oleh item s58 iaitu seramai 53.0% responden selalu dan sentiasa menggunakannya. Seterusnya item s26 iaitu seramai 45.1% responden selalu dan sentiasa menggunakannya. Kemudian diikuti item s61 iaitu seramai 43.2% responden selalu dan sentiasa menggunakan strategi ini. Akhir sekali item s59 iaitu seramai 49.0% responden selalu dan sentiasa menggunakannya. Jadual 4 memaparkan enam item strategi yang kerap digunakan oleh PSB ketika belajar bahasa Arab.

Jadual 4: Enam Item Strategi yang Kerap Digunakan oleh PSB (N=51)

No. Item	Kategori Strategi	Strategi	1	2	3	4	5	Min	S.P
s62	Metafizik	Meminta ampun dan doa daripada kedua ibu bapa sebelum menduduki peperiksaan.	3.9	7.8	15.7	27.5	45.1	4.01	1.14
s57	Metafizik	Berusaha untuk memahami atau menghayati makna bacaan	3.9	3.9	39.2	37.3	15.7	3.56	0.94

		dalam sembahyang, doa, ayat al-Quran atau al-hadith.							
s58	Metafizik	Saya membaca al-Quran setiap hari untuk memperbetul atau melancarkan sebutan bahasa Arab saya.	3.9	11.8	31.4	43.1	9.9	3.43	0.96
s26	Tampungan	Meneka makna perkataan-perkataan tidak difahami berdasarkan konteks ayat atau situasi perbualan.	0.0	11.8	43.1	37.3	7.8	3.41	0.80
s61	Metafizik	Saya meminta restu daripada guru sebelum menduduki peperiksaan.	5.9	13.7	37.3	27.5	15.7	3.33	1.08
s59	Metafizik	Saya membaca ayat al-Quran atau doa untuk menghilangkan rasa gugup atau tertekan ketika mempelajari bahasa Arab.	5.9	17.6	27.5	39.2	9.8	3.29	1.06

Kajian ini turut menilai 10% item SPB yang paling kerap digunakan oleh PLB. Strategi-strategi tersebut adalah item s62 iaitu seramai 81.5% responden selalu dan sentiasa menggunakan strategi tersebut. Diikuti oleh item s57 iaitu seramai 65.2% responden selalu dan sentiasa menggunakan strategi ini. Seterusnya item s60 iaitu seramai 50.0% responden selalu dan sentiasa menggunakannya. Kemudian item s48 iaitu seramai 50.0% responden selalu dan sentiasa menggunakannya. Diikuti item s26 iaitu seramai 46.7% responden selalu dan sentiasa menggunakannya. Akhir sekali, item s61 iaitu responden selalu dan sentiasa menggunakan strategi tersebut. Jadual 5 pula memaparkan enam item strategi yang kerap digunakan oleh PLB ketika belajar bahasa Arab.

Jadual 5: Enam Item Strategi yang Kerap Digunakan oleh PLB (N=92)

No. Item	Kategori Strategi	Strategi	1	2	3	4	5	Min	S.P
s62	Metafizik	Meminta ampun dan doa daripada kedua ibu bapa sebelum menduduki peperiksaan.	0.0	4.3	14.1	22.8	58.7	4.35	0.88
s57	Metafizik	Berusaha untuk memahami atau menghayati makna bacaan dalam sembahyang, doa, ayat al-Quran atau al-hadith.	0.0	7.6	27.2	43.5	21.7	3.79	0.87
s60	Metafizik	Saya bersembahyang hajat atau berdoa pada Allah agar saya berjaya dalam pembelajaran bahasa Arab.	5.4	16.3	28.3	23.9	26.1	3.48	1.19
s48	Sosial	Saya meminta si penutur bahasa Arab memperlahan, mengulang atau menjelaskan semula apa yang telah diperkatakan sekira saya tidak memahami sesuatu.	0.0	22.8	27.2	28.3	21.7	3.48	1.07
s26	Tampungan	Meneka makna perkataan-perkataan tidak difahami berdasarkan konteks ayat atau situasi perbualan.	0.0	16.3	37.0	30.4	16.3	3.46	0.95

s61	Metafizik	Saya meminta restu daripada guru sebelum menduduki peperiksaan.	7.6	12.0	31.5	25.0	23.9	3.45	1.19
-----	-----------	---	-----	------	------	------	------	------	------

Kajian juga meneliti penggunaan strategi berdasarkan kategori konstruk strategi utama. Jadual 6 menunjukkan bahawa strategi metafizik dan tampungan merupakan dua kategori konstruk utama yang paling kerap digunakan oleh ketiga-tiga kumpulan tahap pencapaian bahasa. Min yang ditunjukkan oleh ketiga-tiga kumpulan pelajar pada setiap konstruk strategi utama berada pada tahap yang sederhana. Ini menunjukkan bahawa PCB, PSB dan PLB menggunakan kesemua konstruk strategi utama pada tahap penggunaan yang sederhana. Tidak ada satupun daripada konstruk strategi utama berada pada tahap penggunaan yang tinggi tahap pencapaian bahasa Arab.

Begitu juga tidak ada satupun daripada konstruk strategi utama berada pada tahap penggunaan yang rendah. PCB didapati kerap menggunakan strategi metafizik ($M=3.19$, $SP=0.76$), diikuti oleh strategi tampungan ($M=3.00$, $SP=0.71$) dan strategi Afektif ($M=2.71$, $SP=0.69$). Sebagaimana PCB, PSB juga didapati kerap menggunakan strategi metafizik ($M=3.36$, $SP=0.75$), diikuti oleh strategi tampungan ($M=3.32$, $SP=0.68$) dan strategi afektif ($M=3.05$, $SP=0.72$). PLB pula didapati kerap menggunakan strategi metafizik ($M=3.36$, $SP=0.67$), kemudian diikuti oleh strategi tampungan ($M=3.19$, $SP=0.69$) dan strategi Sosial ($M=2.81$, $SP=0.62$).

Strategi yang paling kurang digunakan oleh PCB ialah strategi kognitif ($M=2.54$, $SP=0.70$). PSB dan PLB pula didapati paling kurang menggunakan strategi memori dengan min ($M=2.74$, $SP=0.70$) dan ($M=2.55$, $SP=0.63$). Satu dapatan di luar jangkaan adalah berdasarkan kepada min dan sisihan piawai bagi penggunaan keseluruhan strategi yang dipaparkan dalam Jadual 6, PSB didapati paling kerap menggunakan strategi, diikuti oleh PLB dan PCB. Namun, sebagaimana yang dijelaskan sebelumnya, kekerapan penggunaan strategi adalah berada pada tahap yang sederhana oleh ketiga-tiga kumpulan pencapaian bahasa.

Jadual 6: Min Sisihan Piawai Penggunaan Kategori Utama SPB Berdasarkan Tahap Pencapaian Bahasa (N=200)

Strategi Utama	PCB (n=57)		PSB (n=51)		PLB (n=92)	
	Min	S.P	Min	S.P	Min	S.P
Memori	2.58	0.66	2.74	0.70	2.55	0.63
Kognitif	2.54	0.70	2.79	0.64	2.67	0.58
Tampungan	3.00	0.71	3.23	0.68	3.19	0.69
Metakognitif	2.66	0.78	2.86	0.80	2.75	0.65
Afektif	2.71	0.69	3.05	0.72	2.64	0.63
Sosial	2.69	0.83	2.91	0.82	2.81	0.62
Metafizik	3.19	0.76	3.36	0.75	3.36	0.62
Keseluruhan	2.74	0.62	2.96	0.61	2.82	0.49

Ujian Korelasi Pearson Menguji Ho.1

Ho.1 Tidak terdapat korelasi signifikan antara penggunaan SPB dengan pencapaian bahasa Arab dalam kalangan pelajar IPT Kelantan.

Hipotesis nol yang dibentuk perlu diuji dengan analisis korelasi Pearson bagi melihat perkaitan keseluruhan penggunaan SPB dengan keseluruhan skor pencapaian atau markah. Berdasarkan Jadual 7, nilai signifikan 0.528 adalah lebih daripada nilai alfa ($p > 0.001$). Ini menunjukkan bahawa pernyataan "tidak terdapat korelasi signifikan antara penggunaan SPB dengan pencapaian bahasa Arab dalam kalangan pelajar IPT Kelantan" dalam hipotesis nol yang pertama gagal ditolak.

Jadual 7: Korelasi Antara Penggunaan SPB Dengan Pencapaian Bahasa Arab Secara Keseluruhan

Strategi Pembelajaran Bahasa	Pencapaian	
	r	Sig
	-.045	0.528

Sig. Pada aras 0.05

Ujian ANOVA Sehala Menguji Ho.2

Ho.2. Tidak terdapat perbezaan signifikan pada penggunaan strategi pembelajaran bahasa berdasarkan tahap pencapaian bahasa Arab dalam kalangan pelajar IPT Kelantan.

Jadual 8 memaparkan hasil ujian ANOVA sehala yang melihat perbezaan pada penggunaan SPB berdasarkan tahap pencapaian bahasa Arab dalam kalangan pelajar IPT Kelantan. Aras kesignifikannya adalah 0.05. Hasil analisis yang dijalankan mendapati nilai yang diperoleh adalah $F = 2.308$, $\text{Sig.} = 0.102 > 0.05$. Keputusan ujian ANOVA sehala ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan signifikan pada penggunaan strategi pembelajaran bahasa berdasarkan tahap pencapaian bahasa Arab dalam kalangan pelajar IPT Kelantan. Oleh yang demikian, pernyataan di dalam hipotesis nol kedua iaitu “tidak terdapat perbezaan signifikan pada penggunaan strategi pembelajaran bahasa berdasarkan tahap pencapaian bahasa Arab dalam kalangan pelajar IPT Kelantan” juga gagal ditolak.

Jadual 8: Ujian ANOVA Sehala Bagi Penggunaan SPB Berdasarkan Tahap Pencapaian Bahasa Arab

Pemboleh Ubah Bersandar	Jumlah Kuasa Dua	D.K	Min Kuasa Dua	Nilai F	Sig.
Penggunaan SPB					
Antara Kumpulan	5656.216	2	2828.108	2.308	0.102
Dalam Kumpulan	241426.579	197	1225.516		
Jumlah	247082.795	199			

Sig. pada aras 0.05

RUMUSAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan strategi pembelajaran bahasa secara keseluruhannya adalah sederhana oleh kumpulan PCB $M=2.74$, kumpulan PSB $M=2.96$ dan kumpulan PLB $M=2.82$. Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi dapatan tersebut. Antara faktor-faktor yang menyebabkan tahap penggunaan SPB secara keseluruhan yang sederhana ialah sikap pelajar terhadap bahasa Arab. Sikap pelajar terhadap sesuatu

bahasa dan pembelajarannya menjadi penentu kepada pemilihan strategi yang bakal digunakan dalam pembelajaran mereka.²⁵

Selain itu, guru dan pensyarah juga turut memainkan peranan utama dalam mempengaruhi penggunaan SPB. Tugas guru dan pensyarah bukan hanya memberi pelajaran semata, malah para guru dan pensyarah sewajarnya memupuk minat para pelajar kepada subjek yang dipelajarinya. Kekurangan maklumat berkenaan dengan SPB dalam kalangan guru dan pensyarah turut mempengaruhi penggunaan SPB pada tahap sederhana. Malah, strategi pengajaran yang digunakan oleh para guru dan pensyarah juga hendaklah selari dengan strategi pembelajaran bahasa yang digunakan oleh para pelajar. Kecenderungan para guru menggunakan kaedah pengajaran yang berpusatkan guru dan kurangnya penglibatan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran menyebabkan pelajar kurang terdedah kepada penggunaan SPB.²⁶ Sistem pembelajaran yang berorientasi peperiksaan dalam sistem pendidikan di Malaysia juga mempengaruhi tahap penggunaan SPB pelajar yang sederhana.

Kajian ini turut menunjukkan bahawa ketiga-tiga kumpulan pelajar menggunakan strategi yang berkaitan dengan tuntutan agama secara bijak dan kerap dalam usaha mempertingkatkan pencapaian dan penguasaan bahasa Arab. Ini dibuktikan dengan kedudukan penggunaan strategi meminta ampun daripada kedua ibu bapa dan juga memohon doa restu daripada mereka untuk kejayaan dalam pembelajaran bahasa Arab pada tahap yang tinggi. Dalam masa yang sama mereka juga menggunakan strategi tersebut untuk mempertingkatkan keyakinan dan menghilangkan kegugupan dalam pembelajaran bahasa Arab. Selain daripada itu, mereka juga menggunakan sumber agama dengan kerap untuk berjaya dalam pembelajaran bahasa Arab. Dalam usaha untuk mempertingkatkan kemahiran bahasa Arab, mereka cuba untuk memahami atau menghayati makna bacaan dalam sembahyang, doa, ayat al-Quran atau al-Hadith, serta memperbetul atau melancarkan sebutan bahasa Arab melalui bacaan al-Quran. Ia sejajar dengan kedudukan bahasa Arab itu sendiri sebagai bahasa al-Quran dan bahasa yang digunakan dalam solat. Ini menunjukkan

²⁵ Kuntz, P. 1996. Students of Arabic: Belief About Foreign Language Learning Al-Arabiyya, 29, pp. 153-173.

²⁶ Hasaan Basri Awang Mat Dahan. 2003. Perkaedahan Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia: Antara Tradisi dan Inovasi. Prosiding Wacana Pendidikan Islam siri 3, pp. 164-175.

hubungan yang rapat antara amalan keagamaan ini dengan kehidupan para pelajar IPT Kelantan.

Satu dapatan di luar jangkaan adalah apabila PSB merupakan kumpulan paling kerap menggunakan SPB ($M=2.96$) diikuti oleh PLB ($M=2.82$) dan PCB ($M=2.74$). Penggunaan SPB yang didapati paling kerap oleh PSB, diikuti oleh PLB dan akhir sekali PCB adalah sesuatu yang tidak dijangkakan. Dapatan ini selari dengan kajian Green²⁷ dan Philips²⁸ yang mendapati PSB lebih banyak menggunakan SPB berbanding PCB dan PLB. Mereka mengandaikan bahawa dapatan ini terhasil kerana PLB tidak mengetahui tentang SPB dan cara penggunaannya, manakala PCB pula menggunakan SPB secara automatik dan tanpa disedari. Ciri-ciri sebegini menjadikan perlakuan tersebut sebagai proses dan bukannya strategi.²⁹ PCB juga berkemungkinan hanya memerlukan sedikit SPB yang sesuai dan berkesan dengan tugas bahasa.³⁰ Keadaan yang sama juga berlaku dalam kajian ini, pengkaji mengandaikan dapatan kajian ini terhasil adalah berkemungkinan disebabkan oleh faktor kesedaran dan juga pengetahuan tentang SPB. PSB dan juga PLB berkemungkinan menggunakan SPB lebih kerap berbanding PCB, namun penggunaan yang kerap itu tidak membantu dalam peningkatan pencapaian bahasa mereka. Walaupun mereka menggunakan SPB secara kerap, berkemungkinan penggunaan tersebut kurang berkesan kepada mereka. Sebaliknya, walaupun PCB menggunakan SPB kurang sedikit daripada PSB dan PLB, namun strategi yang digunakan adalah berkesan dalam pembelajaran mereka dan seterusnya membantu dalam peningkatan pencapaian bahasa mereka. Jika dilihat dari sudut penggunaan item strategi, PCB didapati menggunakan tiga strategi pada tahap tinggi berbanding PSB dan PLB yang masing-masing hanya menggunakan dua item pada tahap tinggi. Ini bermakna PCB lebih banyak menggunakan strategi pada tahap tinggi semasa belajar bahasa Arab.

²⁷ Green, J.M & Oxford, R.L. 1995. A Closer Look At Learning Strategies, L2 Proficiency And Gender. TESOL Quarterly 29(2), pp. 261-297.

²⁸ Philips. 1991.

²⁹ Oxford, R.L. 1990. Language Learning Strategies: What Every Teacher Should Know. New York: Newbury House.

³⁰ Winke. 2005.

Dapatan ini bersesuaian dengan beberapa kajian lain seperti Green dan Oxford³¹, Griffiths³², Kamarul Shukri³³, Rubin³⁴ dan Stern.³⁵

Hasil ujian Korelasi Pearson menunjukkan tiada perkaitan yang signifikan antara penggunaan SPB dengan tahap pencapaian bahasa Arab pelajar. Nilai p yang diperoleh 0.528 adalah lebih besar daripada nilai alpha 0.05 menunjukkan tiada perkaitan signifikan di antara kedua-dua pemboleh ubah. Ketiadaan perkaitan di antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut ini diperkukuhkan lagi dengan hasil ujian ANOVA sehala yang menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan pada penggunaan SPB berdasarkan tahap pencapaian bahasa Arab. Para pelajar pada semua tahap pencapaian menggunakan keseluruhan strategi pencapaiannya pada tahap yang sederhana.

Terdapat beberapa kemungkinan yang dapat menjelaskan faktor ketiadaan perbezaan pada tahap penggunaan SPB berdasarkan tahap pencapaian pelajar dan sebaliknya. Antara faktor-faktor tersebut ialah, kekurangan pengetahuan mengenai SPB dalam kalangan guru dan murid dan sistem pembelajaran yang berorientasikan peperiksaan. Ia menjadikan para pelajar lebih memberi fokus kepada mencapai kejayaan di dalam peperiksaan. Lebih-lebih lagi mereka terpaksa memberi fokus kepada subjek-subjek lain di samping bahasa Arab yang dipelajari pada setiap semester dan akhirnya aspek-aspek penggunaan strategi dalam pembelajaran bahasa diabaikan.

IMPLIKASI KAJIAN

Implikasi kajian yang terhasil ini dikategorikan kepada dua bahagian iaitu, implikasi teoritis dan implikasi pedagogi.

³¹ Green, J.M & Oxford, R.L. 1995. A Closer Look At Learning Strategies, L2 Proficiency And Gender. TESOL Quarterly 29(2), pp. 261-297.

³² Griffiths. 2003.

³³ Kamarul Shukri Mat Teh. 2009. Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab Dalam kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama. Tesis Ph.D. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

³⁴ Rubin. 1975.

³⁵ Stern, H.H. 1992. Issues And Options In Language Teaching. Oxford: Oxford University Press.

Implikasi Teoretis

Strategi Pembelajaran Bahasa (SPB) adalah meliputi aspek dalaman dan luaran pelajar.³⁶ Sewajarnya, bidang SPB ini ditunjangi oleh teori yang mengutamakan aspek-aspek tersebut. Penggunaan SPB oleh semua pelajar yang terlibat dengan kajian ini, secara umumnya membuktikan bahawa teori SPB yang menyatakan seluruh pelajar bahasa menggunakan strategi pembelajaran ketika mempelajari bahasa adalah sesuatu yang logik dan benar. Satu lagi ciri-ciri SPB yang terjelma dalam kajian ini adalah SPB menjadikan pelajar lebih sendiri dan berautonomi. Mereka bukan hanya menerima pembelajaran, malah mereka memproses maklumat yang diperoleh dan juga menggunakan strategi tertentu dalam pembelajaran mereka. Dapatan ini menyokong pandangan sarjana psikologi kognitif, McLaughlin³⁷ yang menyatakan bahawa pelajar mampu bertindak secara aktif dan efektif dalam pembelajaran mereka. Mereka juga berupaya memproses maklumat dan memilih strategi pembelajaran yang hendak digunakan.

Seterusnya, ujian Korelasi Pearson menunjukkan tiada perkaitan yang signifikan di antara penggunaan SPB dengan pencapaian bahasa Arab pelajar. Dapatan ini diperkukuhkan lagi dengan hasil ujian ANOVA. Sehalu yang menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada penggunaan SPB berdasarkan tahap pencapaian bahasa Arab pelajar IPT Kelantan. Selain itu, ia juga diperteguhkan lagi dengan dapatan kajian ini yang mendapati tiada perbezaan signifikan pada pencapaian bahasa Arab pelajar berdasarkan tahap penggunaan SPB. Justeru, berdasarkan hasil kajian ini, dapatlah disimpulkan bahawa tahap penggunaan SPB bukan merupakan faktor penting dalam menilai tahap pencapaian bahasa Arab pelajar dan begitu juga sebaliknya.

Implikasi Pedagogi

SPB membantu dalam pembelajaran bahasa, malah ia boleh diajar kepada pelajar.³⁸ Atas faktor tersebut, ia menjadi pendorong kepada para penyelidik bahasa untuk menerokai bidang SPB. Implikasi kajian tersebut pastinya melibatkan seluruh institusi pendidikan bahasa Arab seperti penggubal dasar, pelaksana dasar, institusi pengajian tinggi, sekolah, dan

³⁶ Kamarul Shukri Mat Teh & Mohamad Amin Embi. 2010. Strategi Pembelajaran Bahasa. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

³⁷ McLaughlin, 1987.

³⁸ Skehan, 1989.

pelajar bahasa. Pihak berwajib yang bertanggungjawab terhadap kurikulum subjek bahasa Arab seperti pusat pembangunan kurikulum, ketua-ketua sektor dan penyelaras bahasa Arab hendaklah dari masa ke semasa mengemaskini kurikulum subjek bahasa Arab di samping menerapkan maklumat dan aktiviti SPB agar pengajaran SPB ini dapat diaplikasikan dalam aktiviti bilik darjah.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pembelajaran bahasa Arab di IPT Kelantan perlu kepada anjakan paradigma dengan membuat penambahbaikan yang proaktif dari sudut kurikulum dan juga pendekatan pengajaran. Kajian SPB dilihat mampu mengubah pendekatan pengajaran tersebut daripada berpusatkan guru kepada berpusatkan pelajar. Ini adalah kerana SPB menjadikan pelajar lebih berdikari dan lebih berautonomi. Dengan adanya SPB, pelajar diberi peluang untuk berinteraksi dan mengemukakan pandangan. Para guru juga hendaklah lebih kreatif, inovatif dan berkompotensi tinggi. Lantaran tersebut, guru bukan sekadar berperanan sebagai pemberi maklumat di dalam bilik darjah, malah lebih dari itu guru hendaklah berperanan sebagai fasilitator yang mengedalikan kelas dalam suasana interaksi dua hala dengan para pelajar.

Seterusnya, kajian ini mendapati strategi metafizik merupakan konstruk utama yang paling kerap digunakan oleh ketiga-tiga kumpulan pelajar. Para pensyarah sewajarnya perlu memberi penekanan dan pemerhatian yang maksima kepada penggunaan strategi ini. Manakala instrumen kajian ini pula boleh dijadikan sebagai senarai semak strategi pembelajaran oleh para pelajar ketika mempelajari bahasa Arab di samping ia juga boleh dimanfaatkan untuk subjek-subjek lain juga. Sehubungan itu, mereka boleh menilai sendiri sejauh mana mereka menggunakan strategi ketika belajar bahasa Arab.

PENUTUP

Kesimpulannya, kajian ini merupakan kesinambungan kepada beberapa kajian yang telah dijalankan sebelumnya di mana antara tujuannya adalah untuk memperkayakan maklumat-maklumat berkenaan strategi pembelajaran bahasa Arab. Jika dibandingkan kajian SPB dalam pembelajaran bahasa Arab dengan kajian SPB dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dalam konteks pendidikan di Malaysia, kita dapati kajian SPB dalam bidang bahasa Arab agak jauh ketinggalan. Kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan kepada pelbagai pihak terutamanya pihak-pihak yang terlibat dengan pendidikan bahasa Arab sama ada secara langsung atau tidak langsung. Selain itu, dengan adanya kajian seumpama

ini diharapkan ia dapat membuka minda masyarakat Islam khasnya bahawa bahasa Arab adalah bahasa yang unggul, manakala pengajaran dan pembelajaran bahasa tersebut juga bergerak seiring dengan kemajuan teknologi masa kini. Ia bukan lagi bersifat tradisional yang mana proses pengajaran dan pembelajaran hanya dieksploitasi oleh guru semata. Sebaliknya pelajar ataupun murid memainkan peranannya sendiri dengan melibatkan diri secara aktif di dalam dan di luar kelas sekaligus menjadikannya lebih menarik dan berkesan.

BIBLIOGRAFI

- Ab. Halim Mohamad. (2009). Tahap Komunikasi Dalam Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di IPTA Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education* 1 (1), 1-14.
- Brown, H.D. (1994). *Principles of Language Learning and Teaching*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Cohen, L. & Manion, L. (1984). *Research Methods in Education*. London: Groom Helm.
- Cohen, A.D. (1999). *Strategies in Learning and Using a Second Language*. London: Longman
- Creswell, J.W. (2005). *Educational Research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. Ed. Ke-2. New Jersey: Pearson Education Inc.
- Faizahani Ab. Rahman. (2002). *Strategies Employed by Good and Weak English Learners and Factors Affecting the Choice of Strategies*. Bangi: Universiti kebangsaan Malaysia.
- Gardner, R.C. (1985). *Social Psychological Aspects of Language Learning: The Role of Attitudes and Motivation*. London: Edward Arnold.
- Gay, L.R. & Airasian, P. (2003). *Educational Research*. Ed. ke-7. Upper Saddle River, NJ: Merrill.
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi, Parilah M. Shah, Wan Haslina Wah & Ahmad Thalal Hassan. (2012). *Penggunaan Strategi Belajar Bersama Rakan Dalam Kalangan Pelajar Kursus Bahasa Arab di*

- Universiti Teknologi MARA (UiTM). *Asia Pasific Jurnal of Educators and Education*. Vol. 27, pp. 37-50.
- Jackson, S.L. (2006). *Research Methods and Statistics: A Critical Thinking Approach*. Belmont, CA : Thomson Wadsworth.
- Kamarul Shukri Mat Teh dan Mohamed Amin Embi. (2009). Korelasi Strategi Dengan Motivasi Dalam Pembelajaran Bahasa Arab. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan* Jil. 24, pp. 109-123.
- Kamarul Shukri Mat Teh dan Mohamed Amin Embi. (2010). *Strategi Pembelajaran Bahasa*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Kamarul Shukri Mat Teh, Mohamed Amin Embi, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Zamri Mahamod. (2009). Strategi Metafizik: Kesenambungan Penerokaan Domain Strategi Utama Pembelajaran Bahasa. *GEMA Online Journal of Language Studies*. Volume 9(2): 1-13.
- Kamarul Shukri Mat Teh. (2009). *Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama*. Tesis PhD. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Keatly, C., Chamot, A., Greenstreet, S. & Spokane, A. (2004). *Learning Strategies of Students of Arabic (atas talian)*. National Capital Language Resource Center. <http://www.nclrc.org/ins-arabic1.htm>. Diakses pada 1 Disember 2012.
- Krejcie, R.V & Morgan, D.W. (1970). *Determining Sample Size for Research Activities*. Educational And Psychological Measurement, 30(3), pp. 607-610.
- MacIntyre, P.D. (1994). *Towards a Social Psychological Model of Strategy Use*. Foreign Language Annals, 27 (2), pp. 185-194.
- McMillan, J. & Schumacher, S. (1984). *Research in Education: a Conceptual Introduction*. Boston: Little, Brown and Company.
- Mohamed Amin Embi. (1996). *Language Learning Strategies Employed by Secondary School Students Learning As a Foreign Language in Malaysia*. Tesis Phd. University of Leeds.
- Mohd Majid Konting. (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Muhammad Fauzi Jumingan. (2010). Arah Aliran Penyelidikan Sarjana Melayu Tempatan Dalam Bidang Bahasa dan Linguistik Arab di Malaysia. *Jurnal Pengajian Islam* Bil 4. Julai 2010, pp. 87-97. Pusat Penyelidikan dan Pembangunan & Akademi Islam Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Muhammad Fauzi Jumingan. (2010). Kedudukan Bahasa Arab di Malaysia. <http://www.myamla.org/files/icmm2010.papers/ICMM2010-p42.pdf>, diakses pada 7 Januari, 2014.
- Muijis, D. (2004). *Doing Quantitative Research In Education With SPSS*. London: Sage Publication.
- Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Zamri Mahamod dan Kamarulzaman Ab. Ghani. (2008). *Motivasi Pembelajaran Kemahiran Mendengar Bahasa Arab dan Hubungannya Dengan Pencapaian Pelajar*. *Jurnal Pendidikan* 33.
- Nonglaksana Kama. (2007). *Istratijiyyat Ta'allum al-Lughah wa 'Alaqtuha bi al-Akhta al-Lughawiyyah li Muta'allimi al-Lughah al-Arabiyyah fi al-Jami'at al-Islamiyyah al-'Alamiyyah fi Maliziya: dirasah Tahliliyyah*. Tesis Ph.D. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill Education.
- Nurazan Mohmad Rouyan. (2006). *Strategi Pembelajaran Bahasa Dalam Pembelajaran Bahasa Arab : Kajian di KUSZA*. Disertasi Ijazah Sarjana. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Oxford, R.L. (1990). *Language Learning Strategies: What Every Teacher Should Know*. New York: Newbury House.
- Wiersma, W. (2000). *Research Methods in Education: An Introduction*. London: Allyn & Bacon.
- Zamri Mahamod. (2004). Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah. Tesis Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zulkifley Hamid. (1994). *Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.